

# **BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN: SATU PERJUANGAN NASIONALISMEDARI 1930 SEHINGGA 1967**

**MURNI DERAMAN**

**JABATAN SEJARAH**

**FALKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL**

**UNIVERSITI MALAYA**

**KUALA LUMPUR**

**2014**

**Murni\_ipkb@yahoo.com**

## **Abstrak**

Kajian ini akan melihat sejauhmana perkembangan mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang bermula sebelum merdeka (1930) yang dikenali sebagai konsep nasionalisme bahasa, perjuangan mempertahankan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi negara selepas merdeka serta melihat cabaran-cabaran yang dilalui dalam memartabatkan bahasa kebangsaan sehingga tahun 1967. Dalam erti kata yang lebih jelas ialah untuk melihat perjuangan mendaulatkan bahasa kebangsaan berada di tahapnya yang sebenar adakah satu perjuangan yang berjaya atau gagal. Pengkaji akan mengalurkan sejarah perkembangan bahasa Melayu sebelum merdeka sehingga menjadi bahasa kebangsaan di Tanah Melayu selepas kemerdekaan. Perbincangan akan menjurus kepada perkembangan persuratan Melayu, kedudukan bahasa Melayu semasa penjajahan, perkembangannya sebelum kemerdekaan dan selepas kemerdekaan. Bagaimana Inggeris sebagai penjajah melihat kedudukan bahasa Melayu sebagai simbol kepada ketuanan orang Melayu. Kajian juga akan melihat kedudukan bahasa Melayu di dalam laporan-laporan dan dasar-dasar penting seperti Penyata Razak, Ordinan Pelajaran, Penyata Rahman Talib, Perlembagaan 1957, Akta Bahasa 1963 dan Akta Bahasa 1967 dan lain-lain. Kajian juga sudah pasti berkenaan dengan kebangkitan semangat kebangsaan yang di dokong oleh bahasa Melayu sebagai wadah utamanya. Bagaimanakah kebangkitan semangat nasionalisme ini bermula dan ke manakah arah tujuinya. Dalam arena politik Tanah Melayu telah muncul krisis ekoran daripada Dasar Bahasa Kebangsaan sehingga menimbulkan satu dinamik dalam kegiatan nasionalisme dan politik tanah air. Kemelut politik yang berlaku ini telah membuka mata pihak British tentang apa yang orang Melayu tidak puas hati sehingga mempengaruhi dasar British dalam menentukan hak dan ketuanan orang

Melayu terutamanya dalam soal bahasa. Selepas berlaku peristiwa 13 Mei 1969 kerajaan telah membuat rombakan yang besar dalam dasar negara seperti dasar ekonomi, dasar pendidikan, dasar kebudayaan dan beberapa dasar yang lain. Salah satu dasar yang penting ialah Dasar Bahasa Kebangsaan dan saya kira kedudukan bahasa Melayu merupakan masalah yang belum selesai dan adakah benar kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan akan terus mencetuskan isu yang akan meluaskan lagi konflik ras dan mengagalkan pembentukan suatu identiti kebangsaan dan seterusnya menganggu kewujudan sebuah bangsa yang berwajah Malaysia. Kedudukan bahasa kebangsaan di era 1960-an hingga 1970-an harus diperhalusi untuk melihat beberapa isu yang belum selesai kerana situasi ini telah mempengaruhi kedudukannya selepas Peristiwa 13 Mei 1969

## PENDAHULUAN

Dalam lakaran sejarah negara perkembangan bahasa Melayu pernah menjadi bahasa antarabangsa atau lingua franca di seluruh rantau kepulauan Asia Tenggara. Penggunaannya berterusan sehingga ratusan tahun mewarnai kepulauan alam Melayu dengan sifat jati diri Melayu yang tinggi.<sup>1</sup> Mengikut Hashim Musa orang Melayu dan bahasa Melayu itu terkenal sebagai umat bangsa Jawi yang menduduki tanah Jawi dan menggunakan bahasa Jawi sehingga kala kedatangan kuasa penjajah dan pada awal abad ke-20 yang telah memaksa penggunaan bahasa mereka sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan ke atas jajahan takluk mereka.<sup>2</sup> William Masden(1754-1856) seorang orientalis dan linguis Inggeris yang telah mengkaji bahasa Melayu dan menulis kamus tatabahasa Melayu, ketika mula-mula sampai di wilayah ini pada awal abad ke-19 mendapati bahawa:

The Malayan language (BM) prevails throughout a very extensive portion of what is vaguely termed as the East Indies including the Malayan peninsula, together with the islands of Sumatera, Jva, Borneo, Celebes and Innumerable others, as far as to the eastward as the Moluccas, to the southward as the island of Timor and to the northward as the Phillipines, formally collectively (called) the Malayan Archipelago...the Malayan language (BM) is generally employed...as the medium of commercial and foreign intercourse, and every person of whatever nation, who frequents a port of trade must negotiate his business in this tongue, either speaking himself or employing an interpreter. From hence it is that, by comparison with a similar prevalence of a dialect of Italian or Catolonian along the shores of the Mediterranean, it has commonly received the appellation of the lingua Franca of the lingua franca of the East. (Bahasa Melayu telah digunakan secara meluas di rantau yang dinamakan secara kabur sebagai Hindia Timur, termasuk Semenanjung Tanah Melayu, pulau-pulau Sumatera, Borneo, Jawa, Sulawesi dan banyak lagi; iaitu ke sebelah Timurnya Meluku, ke sebelah selatannya Pulau Timor dan kesebelah utaranya Filipina yang secara kolektifnya terkenal sebagai Kepulauan Melayu. Bahasa Melayu digunakan dalam perhubungan perdagangan dan interaksi antara bangsa-bangsa, dan sesiapa sahaja yang berdagang di pelabuhan-pelabuhan di rantau ini, semestinya berunding dalam bahasa ini secara terus atau melalui penterjemahan. oleh itu secara perbandingannya bahasa Melayu telah mencapai taraf yang sama dengan dialek Itali Catelinia sebagai lingua franca di seluruh

<sup>1</sup>Kepulauan Melayu merujuk kepada Semenanjung Tanah Melayu, Utara Borneo (jajahan takluk Inggeris), Kepulauan Sumatera, Jawa, Selatan Borneo, Sulawesi, Meluku, Madura dan Bali (jajahan takluk Belanda), Kepulauan Filipina (jajahan takluk Sepanyol), dalam Hashim Musa, 2009, Pemeriksaan Bahasa Melayu dalam Pembinaan Sahsiah dan Jiti Diri Negara Bangsa Malaysia dalam Persidangan Zaba, Majalah Pemikir, Anjuran Jabatan Bahasa Melayu: Falkulti Bahasa Moden UPM, DBP, Kuala Lumpur, hlm. 137.

<sup>2</sup> Hashim Musa, 2009, Pemeriksaan Bahasa Melayu dalam Pembinaan Sahsiah dan Jiti Diri Negara Bangsa Malaysia dalam Persidangan Zaba, Majalah Pemikir, hlm. 137.

persisiran laut Mediterranean, bahasa Melayu sebagai lingua franca bagi seluruh Wilayah Timur).<sup>3</sup>

Penggunaan bahasa Melayu sebagai lingua franca berterusan sehingga awal abad ke-20 apabila kuasa penjajah Barat, iaitu Inggeris bagi Semenanjung Tanah Melayu dan Utara Borneo, Belanda bagi kepulauan Sumatera, Jawa, Selatan Borneo, Sulawesi, Meluku, Madura dan Bali, manakala Spanyol bagi kepulauan Filipina, masing-masing telah memaksa penggunaan bahasa mereka sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar pendidikan ke atas jajahan takluk mereka. Penjajahan telah menyebabkan kemerosotan status bahasa Melayu sebagai lingua franca wilayah ini dan bahasa rasmi kerajaan dan bahasa dalam sistem pendidikan. Bahasa penjajah telah mengambil alih peranan bahasa Melayu iaitu bahasa Inggeris di Malaya dan Borneo Utara, bahasa Belanda di Indonesia dan bahasa Spanyol di Filipina (kemudian bahasa Inggeris Amerika digunakan selepas dijajah oleh Amerika Syarikat. Bahasa Melayu dikembalikan statusnya sebagai bahasa kebangsaan hanya selepas Indonesia mencapai kemerdekaan (1945) dan Tanah Melayu (1957) manakala Filipina terus menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar pendidikan.

Perjuangan mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan ini bermaksud proses pemerkasaan bahasa Melayu sebagai bahasa yang hebat, terkenal, berdaulat dan dominan di dunia. Hebat bermaksud dari segi kandungan ilmunya, keintelektualanya, keluasaan penggunaannya, nilai ekonominya dan keterbaucannya dan ini tidak mustahil kerana bahasa Melayu pernah menjadi bahasa yang sedemikian satu masa dulu di seluruh rantau kepulauan Asia Tenggara. Perjuangan ini tidak boleh dipandang mudah kerana perjuangan ini dilihat sebagai satu fenomena penting dalam membangkitkan elemen nasionalisme di kalangan orang Melayu samada sebelum merdeka atau selepas merdeka. Dalam perancangan pembinaan sebuah negara baru kita tidak dapat lari daripada mengekalkan identiti sesuatu bangsa itu. Bahasa adalah salah satu wadah yang penting sebagai lambang identiti sesuatu bangsa malah ia mampu memupuk nilai ke arah pembinaan satu negara bangsa baru yang berdaulat.

Proses mendaulatkan bahasa di negara kita boleh dilihat semenjak awal lagi iaitu semenjak kemunculan kebangkitan semangat kebangsaan. Ini kerana bahasa Melayu menjadi teras perjuangan kepada orang Melayu terutamanya semasa perisytiharan Malayan Union. Perlembagaan persekutuan 1957 sebagai undang-undang tertinggi negara memperuntukan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Oleh yang demikian wajarlah kita melihat kebangkitan kedaulatan bahasa sebagai asas kepada pembinaan sebuah negara bangsa yang baharu ketika itu. Orang Melayu percaya bahawa sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Melayu menjadi tanda kewujudan sebuah negara dan bangsanya.

Perlembagaan persekutuan 1957 turut menetapkan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, dengan takrifan bahawa bahasa rasmi ialah bahasa yang digunakan dalam semua urusan rasmi ditiga peringkat eksekutif negara iaitu kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa awam. Walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara selepas merdeka, tetapi bahasa kebangsaan akan betul-betul menjadi bahasa kebangsaan selepas sepuluh tahun merdeka, ini bermakna pada 1 september 1967 maka berakhirlah penggunaan bahasa-bahasa lain di Malaysia.

---

<sup>3</sup> William Marsden, 1812, *A Grammar of the Malayan Language*; dalam Hashim Musa, *Pemerksaan Bahasa Melayu Dalam Pembinaan Sahsiah Dan Jati Diri Negara Bangsa Malaysia*, Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-5, 17-18 November 2009, Anjuran Jabatan Bahasa Melayu; Falkulti Bahasa Moden UPM, DBP, Kuala Lumpur, 2009.

Namun tugas untuk menjadikan ianya betul-betul terlaksana, perjuangan mendaulatkan bahasa kebangsaan bukanlah sesuatu yang mudah walaupun kedaulatan bahasa terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan 1957. Ternyata rang undang-undang yang mengandungi Akta Bahasa Kebangsaan pada 1967 ini tidak sama daripada maksud kedudukan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi tunggal yang dijanjikan pada tahun 1957. Kedudukan bahasa kebangsaan masih lagi bersaing dengan bahasa-bahasa lain terutamanya bahasa Inggeris.

Perikatan menghadapi masalah apabila UMNO sebagai parti utama cuba bertegas terhadap tuntutan MCA dan orang Cina yang meminta bahasa Cina serta hak politik mereka diberi samarata dengan orang Melayu. Namun begitu ketegangan ini dapat dikendurkan apabila menjelang pilihanraya 1954 dan 1955, kehendak MCA terpaksa dipertimbangkan dan sekali lagi kita melihat UMNO terpaksa akur dengan melepaskan kerakyatan jus soli dan MCA dan MIC bersetuju mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi.

Ternyata perjuangan untuk memastikan Bahasa Melayu itu benar-benar dilaksanakan sebagai bahasa rasmi selepas merdeka sangat memerlukan berbanding perjuangan semasa pembentukan perlembagaan 1957. Ini kerana masyarakat kita telah diasuh oleh penjajah selama beberapa kurun untuk mengagungkan bahasa Inggeris. Persaingan dengan bahasa Inggeris begitu ketara kerana bahasa ini menjadi bahasa globalisasi yang menguasai bidang ekonomi dan bidang pendidikan.

Semakin maju negara kita semakin tersepit kedudukan bahasa Melayu, ini ditambah pula oleh stigma sesetengah masyarakat yang terdiri daripada para pemimpin utama yang meletakkan bahasa Inggeris sahaja yang dapat memajukan negara pada era globalisasi ini. Kepercayaan ini akan mengubah kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi satu masa nanti jika tidak diimbangi dengan perjuangan yang berterusan untuk memartabatkan bahasa rasmi ini.

Kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa rasmi negara telah mengalami beberapa fasa pasang surutnya, kita tidak mahu bahasa ini menerima nasib yang sama dengan penggunaan tulisan jawi yang pada satu masa dulu menjadi tulisan yang sinonim dengan orang Melayu malah menjadi wadah penting dalam gerakan kemerdekaan di negara kita. Kemunculan akhbar-akhbar jawi telah dapat menyampaikan mesej kemerdekaan kepada orang Melayu yang berada ceruk-ceruk kampung untuk bangkit dan sedar tentang kemundurun orang Melayu yang dijajah oleh Inggeris. Namun kerana kejailan kita sendiri, kedudukan tulisan jawi sedikit demi sedikit mengalami zaman kegelapannya sehingga sekarang ini ramai generasi yang buta jawi kerana tulisan ini dibuang terus dari sistem pendidikan negara kita satu ketika dulu. Kita sepatutnya memelihara tulisan ini agar ianya tidak lenyap dek kemodenan kerana inilah satu-satunya tulisan asal orang Melayu dan ia boleh menjadi sebahagian daripada jati diri orang Melayu. Para pemimpin dan rakyat dinegara ini sepatutnya belajar daripada kesilapan yang lalu dan jangan mudah melupakan asal usul dan jati diri orang Melayu malah kita lah yang seharusnya memelihara bahasa Melayu agar penggunaannya lebih relevan di era globalisasi ini dan bukannya mengambil jalan mudah untuk mengejar kemajuan dengan meletakkan bahasa Inggeris satu-satunya penyelesaian untuk kita mengejar kemajuan. Yakinlah bahawa bahasa Melayu juga boleh setanding dengan bahasa-bahasa lain dan mampu menjadi bahasa ilmu.

#### **Perjuangan Mendaulatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kebangsaan, Sejauhmana Menyumbang kepada Kebangkitan Semangat Nasionalisme Sebelum Merdeka**

Kajian ini akan bermula sebelum kemerdekaan (1930-an) kerana ketika ini merupakan percubaan pihak kolonial untuk memperkenalkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar sehingga 1967 setelah diumumkan Rang Undang-Undang Bahasa Kebangsaan. Kajian ini akan melibatkan perjuangan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di kalangan orang Melayu dan sejauh mana perkara ini menyumbang kepada kebangkitan semangat kebangsaan orang Melayu sebelum merdeka lagi. Oleh yang demikian adalah penting untuk kita melihat kedudukan bahasa Melayu semasa era penjajahan terutamanya semasa penjajahan Inggeris, ini penting kerana kekuatan bahasa Melayu perlu terjemahkan melalui sejarah keagungannya dan menyatakan kepada umum dengan melihat kemantapan bahasa tersebut di nusantara. Perjuangan mendaulatkan bahasa kebangsaan yang menjadi fenomena penting dalam kebangkitan semangat kebangsaan dan tuntutan kemerdekaan negara ini sehingga ia dilihat sebagai konsep nasionalisme bahasa.

Dalam membincangkan persoalan nasionalisme di negara kita, saya merujuk kepada tulisan Rustam A. Sani yang bertajuk *Ke mana Nasionalisme Melayu*<sup>4</sup> yang membincangkan soal nasionalisme bahasa di Tanah Melayu yang merupakan satu rentetan kegiatan politik yang kemudiannya telah melahirkan negara yang kita kenal sebagai Malaya dan seterusnya Malaysia. Beliau menyatakan gerakan nasionalisme itu berakar umbi pada suasana sosial pada tahun-tahun 1930-an, ketika pihak kolonial berada pada tahap yang begitu stabil dan ketika para penduduk bukan Melayu mulai tidak menganggap diri mereka bersifat sementara dan imigran. Situasi tahun-tahun 1930-an ini telah melahirkan sejumlah organisasi dan kegiatan politik di kalangan orang Melayu. Apa yang menarik tentang tulisan ini ialah tentang konsep nasionalisme pada umumnya dan konsep nasionalisme Melayu khususnya tentang nasionalisme bahasa yang dianggap sebagai fenomena sosial dibincangkan secara menjurus kepada perjuangan kegiatan persuratan Melayu. Penulis melihat proses kebangkitan dan pertubuhan sosial orang Melayu dengan lebih luas melalui kajian terhadap implikasi, dampak dan peranan sosiopolitik badan-badan ini lebih daripada separuh abad yang lalu. Dengan caranya yang tersendiri sesungguhnya bahasa memainkan peranan secara langsung, bersifat politik dan menjadi pendukung kepada unsur-unsur idealogi dalam fenomena kebangkitan nasionalisme Melayu yang dikenali sebagai nasionalisme bahasa.

Tulisan ini cuba membawa kita untuk memahami dampak dan peranan sosiopolitik badan-badan bahasa dan sastera Melayu maka ia membawa kita mengenali susur galur kewujudan unsur ini dalam konteks perjuangan orang Melayu dan kaitannya dengan perkembangan masyarakat Melayu moden. Penulis juga membincangkan dengan terperinci tentang ‘persoalan bahasa’ yang merupakan salah satu persoalan utama yang membentuk visi politik nasionalisme Melayu dan mempunyai tempat yang istimewa dalam percaturan politik yang mencirikan proses pembinaan bangsa dalam konteks masyarakat berbilang kaum selepas kemerdekaan.

Dalam penulisan ini juga akan membincangkan apa itu nasionalisme sejagat dan apa itu nasionalisme Melayu yang akan dikaitkan dengan nasionalisme bahasa. Oleh yang demikian kajian juga akan melihat tulisan-tulisan berkaitan dengan takrifan nasionalisme seperti R. Suntharalingam dan Abdul Rahman Haji Ismail, *Nasionalisme Satu Tinjauan Sejarah*<sup>5</sup> yang membincangkan pendapat daripada Hans Kohn bahawa nasionalisme adalah satu idea, satu tenaga idea yang memenuhi otak dan hati seseorang dengan pemikiran dan semangat yang baru dan mendorong untuk melahirkan negara yang berdaulat. Selagi sesuatu bangsa itu tidak berjaya mencapai tahap ini maka ia akan menanti-nantikan saat kebebasan untuk berkembang menjadi negara yang berdaulat. Menurut Kohn lagi nasionalisme tidak dapat dimengertikan tanpa didahului oleh soal kedaulatan rakyat tanpa satu perubahan yang menyeluruh dalam kedudukan kaum pemerintah dan kaum yang diperintah.

<sup>4</sup> Rustam A. Sani, *Ke mana Nasionalisme Melayu*, R Publishing Servis, Kuala Lumpur, 2004.

<sup>5</sup> R. Suntharalingam dan Abdul Rahman Haji Ismail, *Nasionalisme Satu Tinjauan Sejarah*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1985.

Dalam perancangan ke arah kemerdekaan, bahasa Melayu diakui oleh pihak Inggeris sebagai sebahagian daripada hak orang Melayu yang harus dipelihara. Pengkaji juga akan melihat dasar-dasar kerajaan Inggeris yang dilihat mendiskriminasikan bahasa Melayu dalam pelbagai bidang sehingga memberi kesan kepada negara kita sehingga kini. Pada umumnya jika kita lihat bangsa-bangsa yang dijajah, bahasa bangsa yang menjajah amat penting kedudukannya dalam kehidupan orang yang dijajah. Demikian juga halnya dengan bahasa Inggeris di Tanah Melayu. (pengkaji hanya menumpukan kepada penjajahan Inggeris kerana kuasa ini begitu lama menjajah Tanah Melayu) oleh yang demikian amat penting untuk kita melihat bagaimanakah kedudukan bahasa Melayu semasa pemerintahan Inggeris sehingga kita terpaksa berkompromi dengan bahasa penjajah walaupun kita merdeka.

Di antara individu yang serius dalam memperjuangankan kedaulatan bahasa Melayu semenjak 1930-an lagi ialah Za'ba. Hingga akhir tahun 1930-an perjuangan bahasa dan pendidikan oleh Za'ba sudah menjadi isu penting yang bukan sahaja diperjuangkan oleh persatuan yang beliau terlibat secara langsung dan tak langsung, tetapi diberi perhatian serius oleh akhbar dan majalah tempatan seperti akhbar *Majlis*, *Warta Melaya* dan *Utusan Melayu*. Ini menjadikan pemikiran Za'ba semakin tersebar dan mendapat sokongan orang Melayu.

Majalah Guru muncul sebagai jurnal Melayu yang paling berpengaruh di Tanah Melayu dari tahun 1924 sehingga 1932 yang banyak membincangkan soal bahasa dan pendidikan orang Melayu. Selain majalah guru, terdapat juga majalah yang diterbitkan oleh Sultan Idris Training College, iaitu Cenderamata (1923).<sup>6</sup> Kegiatan Sahabat Pena yang di tubuhkan pada 1934 juga mendapat liputan yang amat meluas disemua akhbar Melayu pada masa itu. Za'ba bersama dengan rakan beliau seperti Syed Sheikh Al-Hadi, Syed Alwi Al-Hadi, S.M. Zainal Abidin dan Mohd Zain Ayub telah merancakkan lagi kegiatan Sahabat Pena. Persatuan ini berjaya mengadakan persidangan Kebangsaan buat pertama kalinya di Taiping Perak pada 11 November 1934. Satu aspek yang diberi perhatian khusus oleh Sahabat Pena ialah untuk memajukan bahasa Melayu melalui majalah Paspam (1938) dan Lembaga Bahasa Paspam (1939). Sememangnya majalah memainkan peranan yang penting dalam perjuangan menegakkan bahasa kebangsaan, melalui majalah juga perbincangan berkenaan dengan nasib bahasa Melayu dibincangkan secara terbuka tanpa ada apa-apa kepentingan individu dan pengaruh. Kewujudan majalah ini dapat menjadi medan pertukaran idea berkaitan isu bahasa Melayu untuk dibincangkan secara terbuka.

Za'ba menyentuh mengenai bahasa rasmi, pertama kalinya pada 1938 yang terkandung di dalam memorandum kepada pihak kolonial.<sup>7</sup> Saranan di dalam memorandum tersebut ialah bahasa Melayu wajib dijadikan bahasa rasmi. Apabila dirujuk kepada aspek pemikiran politik Za'ba beliau menggunakan bahasa sebagai simbol penyatuan bangsa Melayu yang mengcakupi seluruh alam Melayu. Kewujudan banyak majalah Melayu, termasuk yang diusahakan oleh guru-guru Melayu telah membuka seluas-luasnya medan perbincangan tentang pelbagai masalah yang dihadapi oleh orang Melayu pada umumnya terutama aspek bahasa dan pendidikan. Perjuangan dan daya usaha memartabatkan bahasa oleh Za'ba dan rakan-rakannya telah menimbulkan kesedaran di kalangan guru-guru dan di kalangan pegawai-pegawai Melayu dalam perkhidmatan kerajaan kolonial tentang kemundurun bahasa dan bangsa Melayu.

<sup>6</sup> Adnan Hj. Nawang, Za'ba dan Melayu, Berita Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1998, hlm. 134

<sup>7</sup> *Warta Melaya*, 23 November 1938, menggunakan tajuk, *Pendeta Melayu Bersuara*

Persatuan guru-guru Melayu yang memainkan peranan penting bersama-sama dengan Za'ba sejak awal 1920-an hingga tercetusnya Perang Dunia Ke-Dua muncul sebagai tenaga utama dalam perjuangan bahasa. Mereka merupakan golongan yang aktif dalam politik dan merupakan golongan pendesak dan aktivis bahasa, kesusteraan dan kebudayaan orang Melayu. Perjuangan mereka selepas perang lebih bermakna kerana kali ini mereka muncul dalam bentuk gabungan seluruh Tanah Melayu. Pertubuhan ini dikenali sebagai Kesatuan Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung (KPGMS).<sup>8</sup>

Di antara pertubuhan lain yang turut yang turut memainkan peranan penting dalam perjuangan bahasa ialah Angkatan Sasterawan 50 ataupun dikenali sebagai ASAS 50 yang mana ahlinya terdiri daripada para penulis Melayu, golongan muda yang berfikiran moden. Pemikiran para pejuang bahasa pada ketika ini ialah tertumpu ke arah memantapkan lagi kedudukan serta maruah bahasa Melayu. Sekitar tahun 1946 sehingga 1956 amatlah penting kepada perjuangan mendaulatkan bahasa Melayu ini kerana pada tahun 1946 UMNO ditubuhkan dan perjuangan ini ternyata lebih bermakna, sesuai dengan kedudukannya sebagai parti yang utama mewakili orang Melayu pada ketika itu, UMNO sering membincangkan masalah yang dihadapi oleh bahasa Melayu, terutama mengenai masa hadapannya. Diantara pemimpin yang unggul semasa ini ialah Za'ba yang banyak memberi tumpuan ke arah memantapkan kedudukan serta maruah bahasa Melayu. Para pemimpin Tanah Melayu tidak mahu melihat bahasa Melayu berterusan terus terabai dan "melukut di tepi gantang".

Pada masa penjajahan Jepun para pemimpin kesatuan-kesatuan bahasa seperti Za'ba dan rakan-rakanya sekali lagi mengulangi pemikirannya mengenai penyatuan bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia. Mereka menegaskan ini amat sesuai kerana sejak awal 1930-an lagi para pejuang-pejuang kebangsaan telah menukar semangat "satu nusa (negeri), satu bangsa dan satu bahasa".<sup>9</sup> Za'ba mendapat sokongan kuat khususnya dari KPGMS dan Asas 50. Kongres diadakan bagi membincangkan masalah bahasa di Singapura (1952) dan Seremban (1954), didapati guru-guru Melayu terlibat secara aktif.

Perjuangan mendaulatkan bahasa Melayu sebelum merdeka jelas dikuasai oleh golongan tertentu sahaja iaitu golongan yang berpendidikan, pertama didapati golongan ini cuba meresapi pemikiran para pendidik dan ahli politik. Kedua, perjuangan bahasa ini mulai di dokumentasi oleh gabungan persatuan yang ternyata melahirkan kesedaran sejarah rantau yang lebih bermakna berbanding sebelum ini. Ini bermakna faktor bahasa merupakan asas penting dalam penyatuan dan perjuangan kemerdekaan. Jika dilihat daripada perkembangan politik Tanah Melayu pada zaman selepas Perang Dunia Kedua, infrastruktur yang dibina oleh para pejuang yang awal ini telah mematangkan pemikiran orang Melayu yang boleh dilihat pertama, dari segi kepantasan orang Melayu bertindak menentang Malayan Union pada awal 1946. Kedua, melalui kepercayaan orang Melayu terhadap kepimpinan orang Melayu yang akhirnya melahirkan UMNO.

<sup>8</sup> Idea penubuhan persatuan gabungan ini dilakukan oleh Persekutuan Guru-guru Melayu Selangor dan Negeri Sembilan. Pada awal 1920-an kedua-dua persatuan ini di tubuhkan oleh ahli keluarga Za'ba, Muhammad Yusof dan Muhammad Datuk Muda. Semua negeri di Semenanjung Tanah Melayu, termasuk juga Singapura menganggotainya. Perak mempunyai tiga persekutuan iaitu di Utara, Kuala Kangsar dan Selatan. Dengan itu KPGMS menpunyai 14 anggota. Adnan Hj. Nawang, Za'ba dan Melayu, hlm. 140

<sup>9</sup> Qalam, Bil. 48, Julai 1954 hlm. 9-10

Pada tahun 1955, dalam usaha menegakkan kepentingan orang Melayu selepas merdeka, Parti Negara pimpinan Dato' Onn telah mencadangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu. Perkara ini selaras dengan Suruhanjaya Ried dan Perikatan yang bersidang bagi membentuk perlembagaan Tanah Melayu. Bagaimanapun, parti-parti pembangkang Melayu tetap tidak dapat menerima cadangan Suruhanjaya Ried dan Perikatan yang hanya akan melaksanakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan selepas sepuluh tahun kemerdekaan di capai.<sup>10</sup> Bagi Parti Negara dasar ini ialah satu dasar yang tidak akan mendaulatkan bahasa Melayu seperti kehendak orang Melayu,<sup>11</sup> ini kerana bahasa lain masih lagi berfungsi dan persoalannya lagi kenapa orang Melayu perlu menunggu selama sepuluh tahun untuk melaksanakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Bibit-bibit tidak puas hati terhadap parti Perikatan semakin jelas dikalangan parti pembangkang dan segolongan orang Melayu. Dalam situasi ini Tengku dilihat telah bersetuju dengan Suruhajaya Ried dan cuba memujuk orang Melayu supaya bersabar serta menuduh parti pembangkang sengaja memperbesar-besarkan isu tersebut. Dato' onn adalah antara orang yang paling kuat mengkritik draf perlembagaan ini, bagi beliau jaminan Tunku dalam mendaulatkan kedudukan orang Melayu selepas merdeka tidaklah sekutu mana.<sup>12</sup>

Di samping kerakyatan *jus soli* yang dikritik hebat oleh para pembangkang dan ahli Umno sendiri, isu bahasa menjadi modal penting kepada para pemimpin pembangkang, para pejuang bahasa dan ahli UMNO sendiri. Bagi Tunku walau pun beliau dikritik hebat pada Mesyuarat Agung UMNO pada 1956, beliau tetap menerima persetujuan dalam Suruhanjaya Reid dan menggunakan kuasa mandat sebagai pemimpin Perikatan meminta semua pemimpin UMNO untuk menerima persetujuan dalam Suruhajaya Ried. Bagi beliau kemerdekaan adalah perkara yang lebih penting walaupun sasaran Umno dalam Suruhanjaya Ried hanya dapat dicapai 89 peratus sahaja. Bagi Tunku rakyat Tanah Melayu patut bertolak ansur untuk mendapatkan kemerdekaan dan beliau menolak sama sekali kritikan para pembangkang yang menjadikan isu kerakyatan *jus soli* dan bahasa Melayu sebagai modal untuk menjatuhkan beliau dan sekali gus menentang kemerdekaan. Jika kita rujuk akhbar *Melaya Merdeka* yang di keluarkan pada 1956 iaitu akhbar rasmi UMNO kebanyakan pemimpin dalam UMNO menyokong prinsip Tunku dan menyatakan bahawa *jus soli* itu tidak penting dan tidak perlu dihebohkan manakala bahasa Melayu tetap menjadi bahasa kebangsaan selepas 10 tahun kemerdekaan.<sup>13</sup> Tunku juga menolak permintaan orang Cina dan India yang menuntut bahasa ibunda mereka perlu dijadikan bahasa rasmi selepas kemerdekaan. Syarat kerakyatan yang longgar adalah sebagai hadiah kepada kaum bukan *Melayu* untuk memperolehi keistimewaan dengan mudah, maka Tunku meminta agar orang bukan Melayu menerima dengan mudah bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Tanah Melayu. Persoalannya ialah bolehkah bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa rasmi selepas 10 tahun merdeka sedangkan fungsi bahasa Inggeris masih lagi diakui dalam perlembagaan? Maka jika dihitung berapa banyakkah perkara yang perlu dikorbankan oleh orang Melayu sebenarnya untuk memperolehi kemerdekaan, ternyata dua perkara penting yang dikorbankan ialah kerakyatan *jus soli* dan bahasa Melayu. Persoalanya lagi adakah selepas 10 tahun bahasa Melayu betul-betul akan menjadi bahasa rasmi? Inilah perkara yang sebenarnya yang menjadi tentangan hebat para pencinta dan pejuang bahasa yang akan dibincangkan di bab yang seterusnya.

<sup>10</sup> Ramlah Adam, *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*, hlm. 276.

<sup>11</sup> Warta Malaya, 20 Oktober 1955, 6 Julai 1955.

<sup>12</sup> Kritik, 28 November, 1956

<sup>13</sup> Malaya Merdeka, 26/6/1956

Sebagai bantahan satu Kongres Kebangsaan Melayu telah diadakan pada 4 sehingga 7 Mei 1957 di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur. Tujuan kongres ini ialah untuk menyatakan pendirian orang Melayu di luar UMNO terhadap cadangan Perlembagaan Suruhanjaya Ried yang telah pun di terima sebagai Perlembagaan Merdeka. Tiga buah parti pembangkang telah menyokong kuat kongres ini, iaitu Parti Negara, Parti Islam Semalaya (PAS) dan Parti Rakyat Malaya. Sebuah resolusi telah dikeluarkan sebagai cadangan balas kepada cadangan Suruhanjaya Reid dan Perikatan.<sup>14</sup> Resolusi ini sebenarnya perkara yang telah dibangkitkan oleh pihak pembangkang sebelum ini iaitu soal kerakyatan, raja berperlombagaan, bentuk kerajaan, keistimewaan orang Melayu, bahasa kebangsaan dan agama Islam.<sup>15</sup>

Tunku melihat memorandum ini sebagai melampau dan satu tindakan yang akan membantu kemerdekaan Tanah Melayu. Beliau juga menolak keputusan kongres untuk memasukkan dua orang wakil kongres iaitu Dato' Onn dan Dr. Burhanuddin ke dalam rombongan Perikatan Ke London pada Mei 1956 dengan alasan mereka ini tidak dipilih oleh rakyat dalam pilihanraya 1955.<sup>16</sup> Tunku juga sedar bahawa beliau tidak boleh berpatah balik setelah bersetuju dengan cadangan Suruhanjaya Ried walaupun beliau sedar bahawa apa yang diperkatakan oleh pihak pembangkang di dalam kongres tersebut ada kebenarannya tetapi bagi beliau perkara yang penting adalah kemerdekaan dan rakyat Tanah Melayu boleh menerima perkara tersebut demi kemerdekaan.

Walaupun kemerdekaan Tanah Melayu dicapai tanpa menumpahkan setitik darah, namun ia tidak bermakna dapat memuaskan hati semua pihak atau keseluruhan rakyat. Rasa tidak puas hati di kalangan ahli UMNO terhadap kepimpinan Tunku berpunca daripada kegagalan Tunku mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan (aliran Melayu)

Walaupun perjuangan kongres yang diadakan pada 1957 ini gagal dan sekali gus mengagalkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tunggal namun ia sangat penting kerana ia menunjukkan adanya satu penentangan orang Melayu terhadap tolak ansur UMNO dalam memperolehi kemerdekaan. Ini adalah satu bentuk gerakan nasionalisme Melayu yang penting pada tahun 1957. Sekaligus ia memperlihatkan wujudnya kemelut politik yang sangat hebat dan sudah pasti ia memerlukan kajian yang terperinci untuk melihat perjuangan kemerdekaan dalam pelbagai persepsi. Mengikut Ramlah Adam penentangan ini adalah kemuncak kepada nasionalisme Melayu yang bermula pada 1940-an. Manakala Awang Sariyan pula melihat perjuangan mendaulatkan bahasa kebangsaan menjadi fenomena penting dalam kebangkitan semangat kebangsaan dan tuntutan kemerdekaan negara ini hingga dikenali sebagai naionalisme bahasa.

### **Dasar Bahasa Kebangsaan, Menyumbang Kepada Kemelut Politik Selepas Merdeka (1957-1969)**

<sup>14</sup> Untuk melihat Resolusi Kongres lihat Fikiran Rakyat, 10 Mei 1957, untuk keterangan lanjut berkenaan dengan kongres juga lihat Ramlah Adam, 1994, "Kongres Kebangsaan Melayu: Suatu Penentangan Kepada Kehilangan Kuasa Politik Melayu Dalam Kemerdekaan 1957", dlm Sarjana, Keluaran khas Fakulti Sastera dan Sains Sosial, hlm. 159-181.

<sup>15</sup> Ramlah Adam, Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra, hlm. 279.

<sup>16</sup> Ibid.

Di bahagian kedua tulisan ini, penulis akan membincangkan perlaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan dari tahun 1957 sehingga 1969, bagaimana ia menyumbang kepada kemelut politik yang begitu rumit sehingga perlaksanaannya tidak seperti yang dijangkakan. Oleh itu amatlah penting untuk kita mengenal pasti apakah usaha-usaha kerajaan dalam memperkuuhkan penggunaan bahasa kebangsaan, mengkaji usaha-usaha pihak tertentu seperti organisasi dan individu dalam mengukuhkan lagi kedudukan bahasa kebangsaan. Tumpuan juga akan diberikan kepada reaksi kaum bukan Melayu terhadap bahasa kebangsaan dan apakah cabaran-cabaran dari pihak ini sehingga ia memberi ganguan terhadap perlaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan.

Persoalannya di sini kenapa muncul kemelut politik yang begitu hebat antara parti, individu, kaum, organisasi dan kerajaan sendiri dalam melaksanakan Dasar Bahasa Kebangsaan selepas merdeka? Bilakah berakhirnya kemelut ini? Siapa yang mendapat keuntungan daripada kemelut ini? Dan bagaimana orang Melayu sebagai pejuang kepada Dasar Bahasa Kebangsaan mempertahankan hak istimewa ini agar tidak selalu gagal dalam perjuangan mereka?

Perjuangan mendaulatkan bahasa kebangsaan menjadi fenomena penting dalam kebangkitan semangat kemerdekaan dan tuntutan kemerdekaan di negara ini, hingga dikenali sebagai konsep nasionalisme bahasa.<sup>17</sup> Dalam perancangan pembinaan negara selepas merdeka bahasa Melayu dinobatkan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Perlembagaan tersebut sebagai undang-undang tertinggi negara memperuntukan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Akta Bahasa Kebangsaan dan Akta pendidikan pula menjadi tunjang yang kuat untuk perlaksanaan bahasa kebangsaan, untuk dilaksanakan di dalam sistem pentadbiran negara dan dalam bidang pendidikan negara.

Kedudukan bahasa Melayu yang diangkat sebagai bahasa kebangsaan termaktub di dalam Fasal 152 namun kedudukan ini tidak cukup memuaskan hati orang Melayu yang membuat desakan berterusan supaya kerajaan terus memperkuuhkan kedudukan bahasa tersebut. Berikut itu satu Kongres Kebudayaan Melayu yang pertama telah diadakan pada 30 November 1957 sehingga 2 Januari 1958 di Melaka. Tujuan kongres ini adalah untuk membincangkan Teras Kebudayaan Melayu untuk dijadikan Teras Kebangsaan bagi Tanah Melayu yang baru sahaja mencapai kemerdekaan. Kongres ini dihadiri oleh wakil-wakil dari 51 pertubuhan Melayu dari Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura, kongres ini juga diwakili oleh pertubuhan-pertubuhan bangsa lain. Dalam aspek bahasa, Kongres Kebudayaan Melayu telah membuat satu ketetapan usul iaitu:

Bahasa Melayu hendaklah dijadikan Bahasa Pengantar dalam semua peringkat persekolahan kerajaan dan bantuan kerajaan dalam Persekutuan Tanah Melayu dan juga menjadi perkara wajib lulus dalam peperiksaan dari peringkat sekolah rendah sehingga sekolah menengah iaitu Sijil Pelajaran Rendah dan Sijil Pelajaran Kebangsaan<sup>18</sup>

<sup>17</sup> Awang Sariyan, *Keranda 152, Bahasa Kita Air Mata dan Maruah Kita*, hlm. i.

<sup>18</sup> Tuan Mohd Yusof Harun (Pnyt.), *Kenangan Kongres Kebudayaan Melayu 1, Melaka*: Panitia Kongres Kebudayaan Melayu, 1957,hlm.3

Walaupun bahasa Melayu termaktub sebagai bahasa Kebangsaan dalam Perlembagaan 1957, Ordinan Pelajaran 1957 dan resolusi yang dibuat oleh Kongres Kebudayaan Melayu Pertama, namun di kalangan orang Melayu yang inginkan kemerdekaan yang sebenar-benarnya persoalan masa perlaksanaan dasar bahasa, persediaan dan kesungguhan kerajaan dalam melaksanakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang tunggal masih perlu dipersoalkan. Oleh itu isu bahasa terus dibangkitkan oleh wakil-wakil Melayu samada dari UMNO, parti pembangkang dan individu kepada pihak kerajaan.

Selepas merdeka telah berlaku kemelut yang hebat antara para pemimpin UMNO khasnya dan pihak kerajaan umumnya dengan pemimpin KPGMS yang mendesak agar Sekolah Menengah Melayu yang bahasa pengantarnya ialah bahasa Melayu dilaksanakan dengan kadar segera iaitu pada 1 Februari 1958 manakala pihak kerajaan mendakwa sekolah itu tetap akan ditubuhkan tetapi perlu mengambil masa untuk persediaan guru-guru yang terlatih serta infranstruktur yang baik.<sup>19</sup> Encik Mohammad Khir Johari selaku menteri pelajaran ketika itu, Datuk Abdul Razak dan Tunku Abdul Rahman selaku pemimpin Perikatan mendakwa tuntutan pihak KPGMS itu terlalu suntuk dan terburu-buru untuk disempurnakan. Di dalam keterangannya melalui majalah *Malaya Merdeka*, lidah rasmi UMNO, keluaran 14 Februari 1958 En Mohd Khir Johari selaku menteri pelajaran memberitahu bahawa pihak kementerian telah melantik seorang pegawai tinggi Melayu iaitu En. Lukman Musa untuk mengurus pembukaan Sekolah menengah yang menggunakan bahasa Melayu. Seterusnya En Mohd Khir mengisyiharkan bahasa Melayu menjadi subjek wajib lulus dalam setiap peperiksaan dan juga syarat untuk memegang jawatan-jawatan dalam kerajaan oleh setiap rakyat negeri Tanah Melayu. Sungguhpun kerajaan telah memberi penjelasan bahawa sekolah tersebut akan diadakan pada 1 April 1958 dalam bentuk yang sempurna namun perakuan kerajaan ini tidak diendahkan oleh pihak kesatuan guru-guru. Kecaman-kecaman dan tuduhan-tuduhan yang hebat telah dituju kepada kerajaan dan pihak UMNO, mereka mendakwa kerajaan telah ‘mengkhianati bahasa Melayu’ dan ‘menzalimi anak-anak Melayu’. Malahan guru-guru yang merupakan ahli UMNO telah menuduh UMNO telah memesongkan dasarnya dan mengecewakan orang Melayu.<sup>20</sup> Kekecewaan ini telah menyebabkan ahli-ahli UMNO yang terdiri daripada guru-guru mengecam untuk keluar daripada UMNO. Gesaan mereka ini berlandaskan kebimbangan terhadap kedudukan bahasa Melayu yang masih lagi tidak sempurna di dalam sistem pendidikan.

<sup>19</sup> Lihat Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, hlm. 685-686. Jawatankuasa Pelajaran UMNO Malaya telah mengadakan mesyuaratnya yang dipengerusikan oleh Tuan Syed Nasir Ismail pada 14 Januari, 1958. Jawatankuasa telah mengambil Ketetapan antara lain :

1. Bersetuju darjah S.M.C (Special Malay Class) dibatalkan mulai tahun 1959.
2. Bersetuju memperbanyak lagi bilangan murid daripada sekolah umum masuk ke Remove Class.
3. Darjah Lanjutan hendaklah dijalankan terus tetapi pembayarannya hendaklah diturunkan tidak lebih daripada lima ringgit.
4. Bangunan sekolah menengah memadailah dengan sederhana sahaja supaya tidak tergendala kehendak perenggang 97 dan 98 di dalam Penyata Razak.
5. Adakah pelajaran dengan pelajaran pos di kawasan yang di dalamnya tidak cukup murid untuk dibuka.
6. Adakan sekolah menengah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya sebagai yang diputuskan oleh Persidangan Agung UMNO pada tahun 1958.

Berkenaan dengan pembukaan sekolah menengah bahasa Melayu keputusan-keputusan telah di ambil iaitu

1. Adakan Sekolah Menengah yang tersebut sebanyak sebelas buah iaitu sebuah bagi tiap-tiap negeri yang mengandungi dua darjah sebagai langkah permulaan
2. Persediaan kerana pembukaan darjah menengah ini hendaklah dijalankan mulai daripada bulan Februari 1958 ini.
3. Guru yang akan mengajar darjah itu terpulanglah kepada menteri sendiri menentukannya.
- 4.

<sup>20</sup> Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, hlm. 694

Kebimbangan orang Melayu terhadap tahap perlaksanaan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan dan telah disuarakan oleh KPGMS sebelum merdeka lagi. Menurut Cikgu Mohd. Nor Ahmad selaku Yang Di Pertua KPGSM telah menyuarakan kebimbangannya mengenai kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal dalam masa sepuluh tahun selepas kemerdekaan dan beliau mendakwa kerajaan tidak serius dalam perlaksanaannya. Beliau merujuk kepada Laporan Razak yang ingin menukar sekolah-sekolah kerajaan menjadi sekolah-sekolah umum, jesteru itu mulai 1958, sekolah rendah kerajaan hendaklah memulakan bahasa pengantarnya dengan bahasa Melayu dimulai dengan darjah satu. sama seperti tindakan Inggeris dahulu yang menginggeriskan sekolah-sekolah Melayu dengan dimulai dengan darjah satu. Maka dalam tempoh sembilan tahun, tentulah pelajar-pelajar sekolah Inggeris akan dapat menerima bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar. Maka pada tahun 1968, pelajar-pelajar yang lulus sekolah Inggeris ialah pelajar-pelajar yang betul-betul menerima bahasa Melayu sepenuhnya.<sup>21</sup>

Perlembagaan persekutuan 1957 sebagai undang-undang tertinggi negara memperuntukkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal negara selepas sepuluh tahun namun ia tidak semudah yang disangkakan. Bagi orang Melayu yang begitu cintakan jati diri dan warisan yang tidak ternilai ini mereka tidak berpuas hati dengan perlaksanaan bahasa kebangsaan selepas sepuluh tahun seolah-olah kemerdekaan yang dikecapi masih dicengkam oleh bayang-bayang penjajah. Persoalan timbul kenapa perlu mengambil masa sepuluh tahun?: kenapa bahasa Melayu masih melukut ditepi gantang selepas merdeka terutama dalam bidang ekonomi, perkhidmatan dan pendidikan?: adakah parti perikatan betul-betul berhasrat untuk menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi tunggal selepas sepuluh tahun?. Mereka juga mempersoalkan, apakah peranan dan usaha kerajaan untuk memajukan bahasa kebangsaan?.

Peruntukan perlembagaan, melalui perkara 152(2) membenarkan penggunaan bahasa Inggeris digunakan dalam urusan rasmi dalam tempoh sepuluh tahun selepas merdeka menimbulkan reaksi berbeza-beza di kalangan orang Melayu. Di satu pihak, orang Melayu mahukan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal dikuatkuasakan dengan serta merta tanpa menunggu tempoh sepuluh tahun. Disatu pihak lagi, mereka menerima rasional tempoh sepuluh tahun untuk bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi yang tunggal mengantikan bahasa Inggeris, supaya tidak terlalu tergesa-gesa, mengejutkan dan membolehkan pihak kerajaan membuat persiapan yang mengcukupi untuk melaksanakan kehendak tersebut. Manakala mengikut Syed Husin Al Attas hanya orang yang lemah dalam bahasa Melayu sahaja yang masih ragu-ragu terhadap kemampuan bahasa Melayu, dan kerana mereka tidak menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan harian mereka.<sup>22</sup>

Ternyata kebimbangan para pejuang bahasa berasas dan disebabkan itu mereka dengan tegas mempersoalkan kenapa kerajaan perlu tunggu sepuluh tahun untuk melaksanakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tunggal. Menjelang dua tahun kemerdekaan negara ternyata tidak ada apa-apa perubahan yang berlaku kepada fungsi bahasa melayu sebagai bahasa

<sup>21</sup> Mohd Nor Ahmad, "Chara-chara perlaksanaan bahasa Melayu Menjadi Bahasa Kebangsaan dan rasmi yang tunggal dalam Persekutuan Tanah Melayu mengikut jangka panjang 10 tahun" 1 Ogos 1957, Arkib Negara Malaysia.

<sup>22</sup> Syed Husin Ali Altas, "Bahasa Melayu Sebagai bahasa Kebangsaan", dlm. Dewan Bahasa, Jilid 11, bil. 9, hlm 434.

kebangsaan. Banyak pihak telah menyuarakan kebimbangan terhadap usaha kerajaan dalam mempercepatkan pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan selain pertubuhan dan individu, akhbar Melayu terutamanya *Warta Negara* di sepanjang tahun 1958 terus membincangkan isu-isu bahasa. Akhbar ini menzahirkan kekecewaannya terhadap kelambatan kerajaan melaksanakan dasar bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi.

...sudah masuk dua tahun, tapak atau asas untuk menjadikan bahasa Melayu, bahasa Kebangsaan belum dimulakan lagi malah bahasa Inggeris mendapat tempat yang istemewa lagi...tidakkah menjadi satu yang pelik Malaya yang sebegini kecil dan mempunyai penduduk tiga jenis bangsa, kerajaan tidak dapat menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam erti kata yang sebenarnya...<sup>23</sup>

Perbahasan yang hebat berlaku di Dewan Undangan Persekutuan yang bersidang sepanjang tahun 1958, para perwakilan UMNO yang bersidang sebulat suara bersetuju agar para menteri kerajaan Persekutuan mengutamakan bahasa Melayu dari bahasa Inggeris dalam sebarang ucapan rasmi dan bukan rasmi.<sup>24</sup> Di Dewan Negara pada 10 Disember 1959, Amaluddin Darus yang mewakili negeri Kelantan mengesa agar kerajaan lebih serius dalam melaksanakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal dan tidak perlu menunggu selama sepuluh tahun. Amaluddin juga menyuarakan kebimbangannya tentang kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan selepas sepuluh tahun akan berlalu tanpa kerajaan sedari dan tanpa ada apa-apa tindakan yang menjurus ke arah itu. Beliau turut mengkritik kerajaan yang menggunakan pelbagai bahasa umpamanya Jabatan Penerangan yang menggunakan empat bahasa iaitu bahasa Inggeris, bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa India dalam templet yang dikeluarkannya. Perkara ini jelas membazirkan duit rakyat dan menyekat perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara ini.<sup>25</sup>

Namun dipihak kerajaan pula Abdul Rahman Talib (menteri pelajaran) menolak dakwaan yang dibuat oleh Amaluddin Darus dengan alasan perubahan atau perlaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal tidak boleh dilakukan secara tergesa-gesa tetapi perlu dilakukan secara beransur-ansur supaya perubahan tersebut berjalan secara licin dan lancar.<sup>26</sup>

Kerajaan juga terpaksa menghadapi kelantangan perjuangan MCA dalam isu bahasa dan pendidikan cina yang diterajui oleh Dr. Lim telah menyimpang dari kehendak parti perikatan. Menjelang pilihanraya 1959, MCA terpaksa menyahut tuntutan *Dongjiaozong* bagi mengembalikan kewibawaan MCA di mata masyarakat Cina.<sup>27</sup> Perkara ini telah menyimpang daripada permaufakatan politik Perikatan yang membawa kepada krisis politik Perikatan antara UMNO-MCA pada Julai 1959. Walaupun krisis itu dapat diselesaikan namun perkara ini telah memberi impak yang besar terhadap sistem pendidikan dan Dasar Bahasa Kebangsaan.

<sup>23</sup> *Warta Negara*, 3 April 1958.

<sup>24</sup> Lihat Federation of Malaya, Legislative Council Debates Official Report of the Second Legislative Council of the Federation Malaya For The Period (fourth Session) December, 1958 to June, 1959, Kuala Lumpur: Goverment Press ,1959, hlm. 5531, dlm. Abdul Halim Ramli, *Persetujuan Antara Kaum Dalam Perlembagaan Merdeka: Perlaksanaan dan Kesannya ke Atas Hubungan Antara Kaum di Semenanjung Malaysia Sehingga 1969*, Jabatan Sejarah, Falkulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur,2012, hlm. 180.

<sup>25</sup> Ibid, hlm. 181

<sup>26</sup> Ibid, hlm. 260

<sup>27</sup> Tan You Sua, Politik *Dongjiaozong* , hlm 89-90.

Dr. Lim melalui surat rasminya kepada Tunku menuntut supaya dasar pelajaran Cina dikaji semula dan dimasukkan ke dalam manifesto Perikatan. MCA menuntut pelajaran rasmi di sekolah menengah Cina dilaksanakan dalam bahasa ibunda iaitu bahasa Cina. Akhbar China Press melaporkan bahawa pegawai-pegawai kanan MCA tidak akan berganjak dalam perjuangan mereka untuk mencapai tuntutan tersebut dan tidak teragak-agak untuk keluar daripada Perikatan jika tidak berjaya.<sup>28</sup> Kemelut ini ditambah pula oleh tuntutan presiden Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina yang mengesorkan supaya peperiksaan di sekolah Cina dilaksanakan dalam bahasa Cina buat selama-lamanya. Tuntutan MCA ini dikritik oleh pemimpin kaum Cina iaitu Tan Siew Sin yang menyifatkan sebagai MCA telah memainkan sentimen perkauman kerana tindakan sedemikian akan menyebabkan negara ini mengandungi sebuah negara China yang kecil di Tanah Melayu.<sup>29</sup> Tunku menyifatkan golongan ini sebagai pelampau dan pengkhianat yang cuba untuk memecah belah Perikatan dan menggunakan sentimen bahasa demi kepentingan politik mereka dalam pilihanraya 1959.

Peoples Progressive Party (PPP) juga mempertahankan sistem pendidikan sekular yang menggunakan bahasa ibunda masing-masing dan terang-terang menolak Penyata Razak 1956. Penentangan ini dizahirkan melalui manifesto parti tersebut pada pilihanraya 1959 yang bertajuk "*Blueprint For Qualiti and Progress*". Manifesto ini mengulangi tuntutan kaum bukan Melayu yang diperjuangkan sejak sebelum merdeka lagi iaitu pengiktirafan terhadap bahasa kaum bukan Melayu sebagai bahasa rasmi negara dan kaum bukan Melayu mestilah diberi hak untuk menjaga dan meneruskan sistem pendidikan mereka.<sup>30</sup> Khir Johari (menteri pelajaran) membidas kritikan tersebut dan menegaskan bahawa semua kaum di negara ini mesti sanggup berkorban, mempunyai sikap toleransi yang tinggi serta memberi dan menerima demi kepentingan negara keseluruhan. Menurut Khir lagi Penyata Razak mengandungi matlamat kebangsaan yang dapat diterima oleh semua pihak demi kemajuan bangsa dalam aspek budaya, masyarakat, ekonomi, politik dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tapi pada masa yang sama turut memelihara bahasa dan kebudayaan bangsa lain.<sup>31</sup>

Kecaman yang berterusan yang dibuat terhadap kerajaan berkenaan dengan bahasa kebangsaan oleh persatuan, individu dan dikalangan ahli UMNO sendiri telah memberi ruang yang sangat baik kepada Parti Islam Semalaya (PAS) untuk menggunakan isu bahasa kebangsaan sebagai manifesto PAS dalam pilihanraya 1959. PAS menekankan soal pendidikan asas untuk menyatukan semua kaum, menuntut supaya semua peringkat persekolahan menggunakan bahasa Melayu sebagai menggantikan bahasa Inggeris. Memandangkan PAS telah menggunakan isu bahasa sebagai isu politik dalam pilihanraya 1959, keadaan ini menyebabkan Tunku Abdul Rahman berjanji bahawa bahasa Melayu akan dijadikan bahasa pengantar di semua sekolah menjelang tahun 1959.<sup>32</sup> Janji ini

---

<sup>28</sup> Berita Harian, 9 Julai 1959.

<sup>29</sup> Ibid.

<sup>30</sup> R.K. Vasil, *Ethnic Politics in Malaysia*, hlm 135-136, dalam Abdul Halim Ramli, *Persetujuan Antara Kaum dalam Perlembagaan Merdeka: Perlaksanaan dan Kesannya Ke Atas Hubungan Kaum di Semenanjung Malaysia Sehingga 1969*, hlm. 206.

<sup>31</sup> Legislatif Council Debates Official Report of The Second Legislatif Council September 1957-october Abdul Halim Ramli, *Persetujuan Antara Kaum dalam Perlembagaan Merdeka: Perlaksanaan dan Kesannya Ke Atas Hubungan Kaum di Semenanjung Malaysia Sehingga 1969*, hlm. 207.

<sup>32</sup> K. Ramanathan, *Politik Pendidikan Bahasa 1930-1971*, hlm. 71

termaktub dalam manifesto Perikatan dalam pilihanraya 1959 yang menjanjikan kepada rakyat bahawa kerajaan perikatan akan:

...menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, menggalak dan mengawal perkembangan bahasa-bahasa dan kebudayaan lain...<sup>33</sup>

Kerajaan Perikatan melalui manifesto tersebut turut menjanjikan mengadakan kemudahan yang lebih besar bagi mempelajari bahasa Melayu, mencorakkan pelajaran supaya menjadi lebih kebangsaan, memperkasa fungsi Dewan Bahasa dan Pustaka supaya dapat merilialisasikan cita-cita untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi dalam tempoh sepuluh tahun daripada tarikh kemerdekaan.<sup>34</sup>

Keadaan berubah selepas Perang Dunia ke-2, Penyata Razak dikeluarkan pada tahun 1956 dan kemudian diperkuuhkan lagi oleh Laporan Rahman Talib pada 1960. Berdasarkan laporan ini sekolah Melayu menjadi sekolah umum atau ditukar namanya menjadi sekolah kebangsaan. Di sekolah kebangsaan bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar utama. Ia bermula disekolah rendah, kemudian ke sekolah menengah dan akhir sekali ke universiti.

Perjuangan memartabatkan bahasa Melayu, isu agama Islam dan beberapa isu sentimen Melayu dalam Pilihanraya 1959 menyebabkan PAS memperolehi kemenangan yang besar dalam pilihanraya dengan menguasai negeri Kelantan dan Terengganu.<sup>35</sup> Kehilangan kerusi pilihanraya Perikatan ini juga tidak dapat lari daripada tempias tindakan guru-guru yang keluar dari UMNO kerana tidak berpuas hati dengan kegagalan UMNO untuk memartabatkan kedudukan bahasa Melayu dan beberapa faktor lain.

Kritikan yang berterusan daripada kaum bukan Melayu terhadap Penyata Razak menyebabkan kerajaan Perikatan melalui manifestonya pada 1959 berjanji untuk mengkaji semula Penyata Razak, disamping mengukuhkan lagi kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Kementerian pelajaran diberi arahan untuk mengadakan kemudahan yang mengcukupi untuk pengajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah Cina dan Tamil serta membernarkan sekolah-sekolah ini mengadakan peperiksaan dalam bahasa masing-masing. Rentetan daripada itu sebuah jawatankuasa dibentuk yang dipengerusikan oleh Abdul Rahman Talib (Menteri Pelajaran), di samping dianggotai oleh wakil MCA, seorang wakil MIC dan empat orang wakil UMNO. Jawatankuasa ini ditubuhkan pada bulan Februari 1960 bertujuan untuk mengkaji semula kejayaan perlaksanaan Penyata Razak, di samping memperkuuhkan dan memperbaiki konsep, matlamat dan sistem pelajaran yang terkandung di dalam Penyata Razak. Hasil laporan ini dikenali sebagai Laporan Rahman Talib. Laporan ini tetap meneruskan matlamat akhir yang ingin dicapai melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti mana yang disebut dalam perenggang 354 yang menyebut, ...tujuan

<sup>33</sup> "Apa yang ditawarkan kepada tuan", Manifesto Pilihan Raya Dewan Rakyat 1959, hlm. 9.

<sup>34</sup> Lihat Federation of Malaya, Legislative Council Debates Official Report of the Second Legislative Council of the Federation Malaya For The Period (fourth Session) December, 1958 to June, 1959, Kuala Lumpur: Goverment Press ,1959, hlm. 5531, dlm. Abdul Halim Ramli, *Persejuaan Antara Kaum Dalam Perlembagaan Merdeka: Perlaksanaan dan Kesannya ke Atas Hubungan Antara Kaum di Semenanjung Malaysia Sehingga 1969*, Jabatan Sejarah, Falkulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur,2012, hlm. 188.

<sup>35</sup> Berita Harian, 1 Julai 1959.

kerajaan yang ditegaskan ialah hendak memperluaskan lagi penggunaan bahasa Melayu itu sampai bahasa ini digunakan sebagai bahasa pengantar yang utama dalam semua sekolah".<sup>36</sup>

Dasar Pendidikan yang dibina kemudiannya menjurus ke arah pemantapan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama pada peringkat pendidikan menengah. Laporan Rahman Talib yang di gubal pada 1960 telah memperakukan penyingkiran sekolah menengah vernekular Cina yang enggang bertukar ke aliran kebangsaan. Akta pelajaran 1961 hanya memperakukan dua jenis pendidikan menengah, pertama sekolah menengah kebangsaan (SMK) bantuan penuh yang menggunakan bahasa Kebangsaan sebagai pengantar, manakala bahasa Inggeris salah satu matapelajaran wajib dan bahasa Cina serta bahasa Tamil akan diajar sekiranya ada permintaan dan murid melebihi lima belas orang. Di sekolah jenis ini bahasa Inggeris merupakan salah satu matapelajaran wajib. Kedua, sekolah menengah jenis kebangsaan (SMJK) bantuan penuh yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dan bahasa Melayu adalah matapelajaran wajib manakala bahasa Cina dan bahasa Tamil hanya akan diajar sekiranya ada permintaan melebihi lima belas orang.<sup>37</sup> Kerajaan juga menegaskan walaupun bahasa Inggeris masih digunakan sebagai bahasa pengantar di SMJK, namun dalam jangka masa panjang, bahasa Melayu akan dimantapkan sebagai bahasa pengantar seperti yang diperakukan oleh Laporan Razak.

Dalam Perhimpunan Agung UMNO pada 1964, UMNO telah mendesak kerajaan Persekutuan untuk menganunkan tarikh 1 September 1967 sebagai tarikh menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal di Tanah Melayu.<sup>38</sup> Tunku dalam ucapan memberi jaminan bahawa bahasa kebangsaan akan tetap digunakan pada 1967 mengikut perlumbagaan 1957 perkara 152.<sup>39</sup>

Penyeragaman bahasa pengantar ini dibantah oleh golongan bukan Melayu, khususnya golongan pendidik Cina yang bernaung di bawah Dong Jian Zong yang mengabungkan persatuan guru sekolah Cina (Jiao Zong) dan Persekutuan Lembaga Pengelola Sekolah Cina (Dong Zong).<sup>40</sup> Manakala di kalangan orang Melayu, mereka mula resah dengan pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang amat perlahan dan menunjukkan kerajaan tidak serius dalam perksanaanya. Ini kerana peranan bahasa Melayu masih dibayangi oleh peranan yang dimainkan oleh bahasa Inggeris.

Kerajaan sedar akan keresahan rakyat tentang kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Tanah Melayu, oleh itu sebuah Jawatankuasa Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) yang dipengerusikan oleh Syed Nasir Ismail (Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka) telah dilancarkan pada 1961. Kempen Bulan Bahasa Kebangsaan bertujuan untuk memaju dan mengembangkan bahasa kebangsaan dan menggalakkan lagi penggunaannya hingga terlaksana sepenuhnya bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Rancangan ini berjalan dalam dua penggal, di mana setiap penggal akan

<sup>36</sup> Lihat Persekutuan Tanah Melayu, Penyata Jawatan-Kuasa Penyemak Dasar Pelajaran 1960, 1060, Perenggang 354, hlm.66.

<sup>37</sup> Persekutuan Tanah Melayu, 1964: perenggang 68.

<sup>38</sup> Penyata Tahunan 1963, Persidangan Agung Umno yang ke-17, pada 4-6 September 1964.

<sup>39</sup> Ucapan Tunku Abdul Rahman dalam Persidangan ke-2 Wakil-wakil Negeri, Kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan dan Ahli JKPP Bulan Bahasa Kebangsaan Di Dewan Tuanku Abdulk Rahman, Kuala Lumpur pada 31 Mei 1961, Arkib Negara Malaysia.

<sup>40</sup> Asmah Hj Omar, *Language Planning for Unity and Efficiency*.

berjalan selama dua minggu. Selaras dengan matlamat kempen penggunaan bahasa kebangsaan, maka arahan telah dibuat kepada semua sektor termasuk sektor perkhidmatan awam, swasta, pertubuhan, persatuan dan kelab-kelab di seluruh Persekutuan Tanah Melayu supaya mengutamakan bahasa kebangsaan dalam segala urusan mereka tanpa menghapuskan sama sekali bahasa Inggeris dan bahasa lain.<sup>41</sup>

Pihak pengajur telah menganjurkan pelbagai aktiviti semperna kempen BBK seperti forum, peraduan dan pidato yang melibatkan semua kaum dari peringkat kebangsaan sehingga ke peringkat mukim. Penglibatan kaum bukan Melayu juga amat memberangsangkan terutama dalam perbahasan dan syaran.<sup>42</sup> Itu pun selepas beberapa tahun BBK dilancarkan kerana diawal perlaksanaan BBK sambutan daripada kaum bukan Melayu amat mengecewakan. Tunku mengkritik golongan peniaga yang jelas tidak menggunakan bahasa Melayu di papan tanda kedai mereka serta sikap pegawai atasan yang berbangsa Melayu tetapi tidak menggunakan bahasa Melayu dalam urusan mereka. Tunku juga mengkritik kaum Cina yang masih memperjuangkan bahasa Cina untuk dijadikan bahasa rasmi sedangkan perkara ini amat mustahil untuk diterima.<sup>43</sup> Tuntutan kaum Cina ini berlaku kerana mereka tahu Perkara 152 dalam perlembagaan masih lagi longgar dan masih perlu berlaku perubahan. Ternyata tuntutan ini cukup melemaskan Tunku kerana tidak mungkin kerajaan akan melayan tuntutan tersebut yang jelas terkandung dalam perlembagaan. Perkara ini juga yang menimbulkan kemarahan beberapa pihak terhadap kerajaan kerana dilihat tidak serius dalam melaksanakan dan merilisasikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang tunggal sehingga ada lagi suara-suara dari kaum lain yang ingin mencabar perlembagaan.

Bagi pejuang-pejuang bahasa seperti pihak BBK, Badan Bertidak Bahasa Kebangsaan (BBBK), Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP), PAS dan beberapa pejuang bahasa pada masa itu, mereka mahu apa yang terkandung di dalam Perlembagaan perlu diperkuuhkan dengan usaha dari semua pihak agar bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan yang tunggal dapat direalisasikan.

BBBK ditubuhkan pada 7 Julai 1964 yang mempunyai beberapa matlamat di antaranya ialah; mohon kerajaan memansuhkan penggunaan multi bahasa dalam berita di radio dan telivisen dan hanya mempunyai berita dalam bahasa Melayu sahaja mulai September 1967; segala program dalam bahasa Inggeris hendaklah dihapuskan, kecuali perkidmatan dari luar negara; mohon kerajaan menyatakan dengan jelas dalam perlembagaan bahawa bahasa Melayu hendaklah dijadikan bahasa kebangsaan dan rasmi yang tunggal; pelajar universiti dan kolej hanya dinaikkan ke tahun satu sekiranya mereka lulus bahasa Melayu; syarat untuk menjadi rakyat Malaysia hendaklah boleh berbahasa Melayu dengan fasih.<sup>44</sup> Ahli jawatan kuasa BBBK terdiri daripada Qamaruddin bin Hj Said, M.Noor Azam, Melan Abdullah, Cikgu Wahab, Usman Awang dan lain-lain.<sup>45</sup>

<sup>41</sup> Lihat surat dari Syed Nasir Ismail kepada Pengusaha/Pengurus, Tempat-tempat Hiburan, Kementerian Persekutuan Tanah Melayu dan Pertubuhan di Seluruh persekutuan, 1 Januari 1961, Arkib Negara Malaysia.

<sup>42</sup> Lihat "Sekitar Kempen dan Gerakan Bulan Bahasa Kebangsaan", *Dewan Masyarakat*, Jilid IV, Bil. 9, 15 September 1966. Hlm 15.

<sup>43</sup> Ucapan Tunku Abdul Rahman dalam Persidangan Kedua Wakil-wakil Negeri, Kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan dan Ahli JKPP Bulan Bahasa Kebangsaan di Dewan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 31 Mei 1961, Arkib Negara Malaysia.

<sup>44</sup> John Funston, *Malay Politics in Malaysia*, hlm. 65

<sup>45</sup> Yahaya Ismail, *Kekuasaan dan Ketuanan Melayu*, Kuala Lumpur, Dinamika Kreatif Sdn. Bhd. 1986, hlm.38.

Akhbar-akhbar Melayu banyak membuka ruang berbicara tentang isu bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tunggal sekitar tahun 1965-an sehingga tahun 1967-an, pejuang-pejuang bahasa membuat kenyataan di akhbar-akhbar mengesa dan menyeru agar semua pihak meningkatkan usaha memperkasakan kedudukan bahasa Melayu secara bersungguh-sungguh menjelang perisytiharannya sebagai bahasa rasmi tunggal negara pada tahun 1967.

Seorang yang lantang mengkritik, membuat kenyataan, teguran dan berjuang memartabatkan bahasa Melayu ketika itu ialah Syed Nasir bin Ismail. Beliau banyak membuat kenyataan diakhbar-akhbar mengesa semua pihak meningkatkan usaha memperkasakan kedudukan bahasa Melayu. Beliau menyeru semua pihak mengambil langkah yang lebih tegas dan lebih serius terhadap bahasa Melayu samada mempelajarinya dan mengamalkannya dalam percakapan terutama dalam urusan hidup seperti di pejabat dan tempat lain. Beliau mengatakan BBK yang diadakan setiap tahun adalah puncak kepada perjuangan bahasa kebangsaan.<sup>46</sup> Beliau juga kecewa dengan sesetengah majlis bandaran yang tidak akur terhadap usaha untuk memperkasakan bahasa kebangsaan. Beliau turut menyeru sesetengah pihak yang tidak mempercayai kebolehan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang tunggal terutama para pegawai-pegawai tinggi kerajaan. Penggunaan bahasa Inggeris di pejabat-pejabat kerajaan perlu dibendung bagi memartabatkan penggunaan bahasa Melayu. BBK juga banyak menegur sikap kerajaan yang tidak bersungguh-sungguh melaksanakan bahasa Melayu sebagai bahasarasi. Bagi memperkasakan kedudukan bahasa Melayu beliau telah mencadangkan penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.<sup>47</sup>

Pembelajaran aliran Melayu dan isu bahasa menjadi agenda orang Melayu untuk mengecam pihak kerajaan. Mereka terdiri daripada individu, organisasi, kesatuan dan parti mendesak kerajaan mewujudkan institusi pengajian tinggi aliran Melayu dengan menonjolkan Penyata Razak sebagai landasan perjuangan. Mereka menganggap kerajaan tidak serius melaksanakan pembelajaran aliran Melayu yang kurang memberangsangkan pada dari tahun 1957 sehingga 1967, di samping masalah pelajar-pelajar menengah aliran Melayu yang diasaskan pada 1959 gagal meneruskan pengajian ke institut pengajian tinggi.

Dalam tempoh lima tahun selepas menamatkan pembelajaran aliran Melayu, ramai pelajar-pelajar Melayu terkandas sehingga SPM disebabkan syaratuntuk memasuki Universiti Malaya memerlukan Higher School Cerificate (HSC) yang belum dilaksanakan di sekolah menengah aliran Melayu. Universiti Malaya gagal di ‘kebangsaankan’ dan kerajaan dikecam oleh para pejuang bahasa dan pejuang pendidikan aliran Melayu mereka ini terdiri daripada Zainal Abidin Wahid, Abu Bakar Hamid, Tunku Shamsul Bahrin, Zain Abdul Majid, Dr Ghazali abdul Rahman dan Syed Husin Ali.<sup>48</sup> Desakan yang berterusan mengenai bahasa dan isu pendidikan aliran Melayu menyebabkan kerajaan berusaha untuk menujuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengumuman penubuhannya dibuat pada 24 Januari 1969, Khir Johari mengumumkan penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia menjelang 1970.

<sup>46</sup> Berita Harian, 10 Mei 1964.

<sup>47</sup> Berita Harian, 24 Mei 1964.

<sup>48</sup> Dharmala N.S, Tradisi Kepimpinan Berjiwa Rakyat; Tun Abdul Razak, hlm. 108.

Tunku merasa tergugat dengan tekanan yang hebat daripada golongan pejuang bahasa sehingga mengelarkan mereka ini sebagai golongan pelampau. Menurut Funston, Tunku sengaja melemparkan tuduhan tersebut kerana melihat pihak BBBK menjalin hubungan rapat dengan PAS walau pun perkara ini dinafikan oleh pihak BBBK sendiri. Tuduhan Tunku ini dilihat sebagai ketidaksenangannya terhadap kritikan pedas BBBK dan sudah tentu Tunku merasa tercabar dengan teguran berkenaan kerana sehingga 1967 kerajaan masih berkompromi dengan bahasa lain dari segi penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Untuk melaksanakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang tunggal dilihat sebagai perkara yang mustahil, walaupun perkara ini terkandung dalam perlembagaan 1957 iaitu bahasa Melayu akan menjadi bahasa kebangsaan yang tunggal namun ia bergantung kepada usaha semua pihak untuk bersungguh-sungguh melaksanakannya, Tunku sendiri tersepit dan sedar bahawa kerajaan tidak mampu melaksanakanya tambahan pula Tunku tersepit dengan tuntutan kaum lain.

Yahya Ismail selaku mengetua BBBK menafikan tuduhan Tunku bahawa golongan pejuang bahasa adalah golongan yang melampau. Matlamat BBBK adalah memperjuangkan Perkara 152 dalam perlembagaan negara dan ingin membantu kerajaan supaya lebih tegas dan serius serta bersungguh-sungguh dalam melaksanakan hasrat tersebut dan tidak bertolak ansur dalam perlaksanaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi yang tunggal menjelang tahun 1967.<sup>49</sup>

Keresahan orang Melayu memang berasas kerana ternyata peranan bahasa Inggeris masih lagi dominan apabila termaktubnya Akta Bahasa Kebangsaan 1967 yang menimbulkan rasa tidak puas hati orang Melayu dan mengakibatkan berlakunya pergolakan politik bahasa yang hebat di antara golongan nasionalisme Melayu dengan kaum Cina, khususnya menjelang pilihan raya 1969. Pergolakan bahasa yang turut ditambah pula dengan politik perkauman telah berakhir dengan rusuhan kaum selepas pilihan raya 1969.

Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) adalah hasil, cita-cita serta perjuangan nasionalisme orang Melayu melalui organisasi politik, surat khabar Melayu, guru Melayu, badan bahasa dan sastera dan juga kongres-kongres bahasa Melayu demi memperjuangkan kedaulatan bahasa Melayu. Oleh itu jika kita teliti sejarah pembentukan dan organisasinya ia mempunyai kedudukan yang tinggi dalam sejarah nasionalisme Melayu. Ia hasil dari cetusan fikiran para nasionalisme yang mempunyai kedudukan yang penting dalam sejarah nasionalisme Melayu. Dalam sejarah nasionalisme Melayu asas bahasa ini merupakan asas yang cukup jelas dan menyeluruh berbanding dengan unsur lain seperti sempadan serta rakyatnya. Oleh itu tidak hairanlah DBP yang ada sekarang ini merupakan serpihan daripada badan yang memperjuangkan nilai bangsa yang merdeka dan mempunyai kedudukan yang penting dalam sejarah nasionalisme Melayu. Penubuhan DBP oleh kerajaan juga dilihat sebagai mengimbangi kegagalan kerajaan dalam melaksanakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tunggal menjelang 1967.

Setelah berlalunya era penjajahan kedudukan bahasa Melayu ternyata berada di tahap yang sangat mundur berbanding dengan bahasa-bahasa lain di Tanah Melayu. Para nasionalisme terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran dalam memartabatkan bahasa kebangsaan termasuk cabaran tolak ansur dengan kaum-kaum lain. Ditambah pula dengan pimpinan yang lemah dan terpaksa

<sup>49</sup> Yahaya Ismail, *Kekuasaan dan Ketuanan Melayu*, hlm.38.

berdepan dengan satu formula tolak ansur politik dengan golongan pemimpin tempatan bukan Melayu dan antarabangsa. Maka kita harus faham apabila pihak pemerintah melaksanakan pembentukan DBP itu adalah untuk mengimbangi tuntutan kaum Melayu demi perkembangan bahasa kebangsaan dan mengimbangi formula tolak ansur politik yang sering tidak memuaskan hati para nasionalisme Melayu. Apabila pihak pemerintah menubuhkan DBP ternyata,ianya merupakan hasil daripada desakan yang tiada hentinya dari kalangan nasionalis Melayu. Pada peringkat awal perkembangannya, DBP telah mengalami kesulitan ekoran daripada kedudukan bahasa Melayu yang mundur dan pengabaian sejarah yang lama terhadap bahasa Melayu menyebabkan DBP mengalami kesukaran untuk beroperasi. Perpindahannya ke Kuala Lumpur dan berkuatkuasanya ordinan DBP 1959<sup>50</sup> membolehkan badan ini berkembang sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab secara formal dalam memajukan bahasa Melayu.

Bersama dengan beberapa dasar lain seperti Dasar Ekonomi, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Pendidikan dan dasar-dasar lain lagi, Dasar Bahasa Kebangsaan menjadi tonggak penting dalam proses pembinaan negara kita. Memang tidak dapat dinafikan penggunaan bahasa untuk kedua-dua tujuan perpaduan dan pembentukan jati diri bukanlah sesuatu yang baru kerana majoriti negara-negara di dunia ini, contoh yang terbaik ialah negara China dan Indonesia yang mempunyai pelbagai dialek dan bentuk muka bumi yang luas dan dipisahkan bukan sahaja oleh pelbagai dialek tetapi juga oleh kedudukan geografinya yang kepulauan, oleh itu bahasa merupakan elemen yang penting dalam menyatukan dan menyelaraskan pentadbiran negara, pembentukan jati diri serta perpaduan.

Sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Melayu menjadi tanda kewujudan sebuah negara dan sekali gus bangsanya, iaitu negara dan bangsa Malaysia. Bahasa menjadi salah satu unsur perpaduan kebangsaan melalui perlaksanaannya sebagai bahasa perhubungan dalam kehidupan rakyat berbilang kaum. Perlembagaan Persekutuan turut menetapkan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang membawa maksud bahawa bahasa rasmi ialah bahasa yang digunakan dalam semua urusan rasmi kerajaan seperti mesyuarat, taklimat, laporan, surat rasmi, ucapan dan sebagainya. Ini juga bermaksud tiada siapa yang boleh menafikan atau meminggirkan peranan bahasa Melayu dalam pentadbiran negara. Perlembagaan ini juga wujud berlandaskan keputusan Penyata Razak (1956) dan kemudian di perkemaskan lagi dalam Penyata Rahman Talib (1960) yang mengusulkan, bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara. Namun begitu perjuangan untuk menjadikan bahasa Melayu benar-benar berfungsi sebagai bahasa rasmi di negara kita selepas merdeka ternyata bukanlah sesuatu yang mudah, liku-liku dan cabaran ini semakin hebat. Walaupun sudah merdeka bahasa Melayu terpaksa bersaing dengan bahasa peninggalan penjajah yang ternyata sudah sebatи di dalam kebanyakan sistem pentadbiran di Tanah Melayu ketika itu. Keadaan ini ditambah pula oleh rapuhnya keyakinan para pemimpin tempatan terhadap kemampuan bahasa ibunda mereka berbanding dengan bahasa penjajah. Hal yang sama dipersoalkan oleh saudara Awang Sariyan yang mengatakan kurangnya kepercayaan pemimpin

---

<sup>50</sup> Ordinan tahun 1959 telah menyatakan secara formal matlamat DBP sebagai sebuah organisasi:

1. Memaju dan memperkayakan bahasa kebangsaan;
2. Memajukan bakat kesasteraan, terutama dalam bahasa kebangsaan;
3. Mencetak atau menerbitkan atau membantu usaha percetakan atau penerbitan buku, risalah dan bentuk-bentuk persuratan yang lain dalam bahasa kebangsaan dan bahasa-bahasa lain;
4. Membakukan ejaan dan sebutan serta mengubal istilah-istilah yang sesuai dalam bahasa kebangsaan.

tempatan terhadap bahasa ibunda mereka sendiri yang di terjemahkan sebagai ‘krisis keyakinan’ yang dasyat akan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa pendukung kemajuan.<sup>51</sup>

Merujuk kepada buku tulisan Awang Sariyan yang bertajuk *Ceritera Bahasa*<sup>52</sup> beliau mempersoalkan pihak-pihak tertentu yang tidak bersungguh-sungguh mengisi kedudukan dan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Bagi mereka tugas memperjuangkan bahasa Melayu seolah-olah selesai dengan termaktubnya bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Tulisan ini banyak mempersoalkan peranan dan krisis keyakinan para pemimpin dan cendikiawan kita terhadap penggunaan bahasa kebangsaan dalam bidang keilmuan dan pentadbiran. Di samping itu tulisan ini juga banyak mempersoalkan arah tuju para pejuang bahasa yang selama ini banyak bercakap tentang kedaulatan bahasa tetapi kurang berfikir dan berbicara tentang cara untuk mengisi erti kedaulatan bahasa itu. Persoalan juga timbul tentang peranan golongan nasionalis dan pemimpin politik yang banyak bercakap berkenaan dengan perjuangan mempertahankan bahasa kebangsaan sedangkan bahasa yang diucapnya dengan jelas tidak mencerminkan ciri-ciri bahasa kebangsaan. Awang Sariyan mempersoalkan perjuangan mereka ini adakah betul-betul mempertahankan bahasa kebangsaan jika ucapannya dibayangi oleh bahasa asing lebih-lebih lagi dalam bahasa bekas penjajah kita. Beliau telah menimbulkan tafsiran tentang perjuangan bahasa untuk mengenalpasti hakikat dan sejauhmana perjuangan bahasa yang telah dilakukan oleh para pejuang bahasa. Beliau juga sangsi tentang kelangsungan hidup dan survival bahasa Melayu pada masa hadapan jika para pejuang bahasa hanya pandai mempertahankan taraf bahasa itu semata-mata, sedangkan untuk melayakkan bahasa Melayu berada ditaraf tersebut adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk menghidup dan menyuburkannya.

Mengikut Abdul Halim, dalam kajian kedoktoranya, perjuangan orang Melayu untuk memartabatkan bahasa kebangsaan dicabar dengan perjuangan orang bukan Melayu yang sama-sama inginkan bahasa ibunda masing-masing samada sebagai bahasa rasmi atau pengantar dalam sistem pendidikan mereka. Perjuangan tersebut telah mencetuskan perdebatan, persaingan dan reaksi yang akhirnya menyumbang kepada pergolakan antara kaum pada 13 Mei 1969.<sup>53</sup>

Akta Bahasa Kebangsaan yang diumumkan pada 1963 yang di dalamnya terkandung Fasal 152 yang menyatakan bahawa bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu Malaysia (yang dahulunya Persekutuan Tanah Melayu). Bahasa Inggeris akan terus menjadi bahasa rasmi di Tanah Melayu selama sepuluh tahun selepas hari merdeka dan selepas itu selagi tidak di ubah oleh parlimen.<sup>54</sup> Sebagaimana yang disebut di dalam fasal 152 kita dapat bahawa kedudukan bahasa kebangsaan cukup jelas. Bahasa Inggeris akan hilang taraf rasminya selepas sepuluh tahun hari kemerdekaan,

<sup>51</sup> Ibid, hlm. i

<sup>52</sup> Awang Sariyan, *Ceritera Bahasa*, 1995.

<sup>53</sup> Abdul Halim Ramli, *Persetujuan Antara Kaum Dalam Perlembagaan Merdeka: Perlaksanaan dan Kesannya ke Atas Hubungan Antara Kaum di Semenanjung Malaysia Sehingga 1969*, Jabatan Sejarah, Falkulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012, hlm. 177.

<sup>54</sup> i. Bahasa Inggeris boleh digunakan di dalam kedua-dua dewan Parliment, di dewan tiap-tiap negeri dan bagi sekalian maksud rasmi yang lain.

ii. salinan yang berkuat kuasa bagi: sekalian rang undang-undang dan pindaan-pindaan kepadanya yang dibawa

kehadapan Majlis mana-mana dewan parliment, sekalian undang-undang yang diperbuat oleh parliment dan undang kecil yang diperbuat oleh kerajaan persekutuan hendaklah ditulis dalam bahasa Inggeris. (Lihat Memorandum Mengenai Perlaksanaan Fasal 152 Perlembagaan Malaysia dalam Keranda 152, Bahasa kita, Air Mata dan Maruah kita hlm. 33-34.

ertinya sehingga 1 september 1967, sekiranya parlimen memutuskan sedemikian. Ini bermaksud bahasa kebangsaan akan tinggal sebagai bahasa rasmi yang tunggal bagi seluruh Tanah Melayu (Malaysia Barat) pada tarikh tersebut. Taraf bahasa-bahasa lain tidak disentuh langsung oleh fasil 152 tersebut.

Walau bagaimanapun Rang Undang-Undang Bahasa Kebangsaan yang telah diluluskan di dalam parlimen dan telah dikuatkuasakan pada 1 September 1967, ternyata tidak menepati janji pemerintah Perikatan untuk memenuhi kehendak Perlembagaan negara dalam soal bahasa seperti yang tercatat di dalam Fasal 152. Oleh yang demikian ia mendapat tentangan hebat daripada rakyat, malahan rakyat menganggap bahawa Rang Undang-Undang Bahasa Kebangsaan 1967 adalah saki baki sistem pendidikan penjajah. Rakyat juga menentang Rang Undang-Undang Bahasa Kebangsaan 1967 kerana ia dikemukakan dan diluluskan dalam masa lima hari tanpa memberi ruang yang cukup kepada rakyat untuk memberi pendapat jika adapun yang lantang bersuara menentang mereka dikenakan dengan pelbagai ugutan oleh yang demikian Rang Undang-Undang Bahasa Kebangsaan 1967 ini dilaksanakan dengan cara yang melanggar prinsip-prinsip demokrasi.<sup>55</sup>

Mengapa para pejuang bahasa khususnya dan rakyat amnya menganggap Rang Undang-Undang Bahasa Kebangsaan 1967 ini tidak sesuai dengan hasrat rakyat dan menuduh kerajaan telah mencabuli hak orang Melayu? Ini kerana, walaupun negara sudah merdeka selama sepuluh tahun namun bahasa Melayu hanya berdaulat hanya pada nama sahaja sedangkan hakikatnya sistem pelajaran lebih berpaksi ke arah aliran Inggeris. Ini berdasarkan perangkaan-perangkaan yang disediakan oleh kerajaan sendiri bahawa dari segi bilangan sekolah, bilangan murid, mahupun bilangan guru jelas memperlihatkan perkembangan aliran Inggeris lebih pesat daripada aliran Melayu.<sup>56</sup>

Rang Undang-Undang Bahasa Kebangsaan 1967 ini hanya memperkuatkan lagi kedudukan bahasa Inggeris yang sememangnya menguasai bidang ekonomi dan politik malahan tidak dicatat sempadan waktunya. Oleh yang demikian tidak hairanlah sampai sekarang kedudukan bahasa Inggeris terus kukuh dalam semua bidang di negara ini. Inilah hakikat Rang Undang-Undang Bahasa Kebangsaan 1967 yang akhirnya menekan dan membunuh bahasa kebangsaan secara senyap.

Pergolakan bahasa yang turut dihangatkan oleh politik perkauman telah berakhir dengan rusuhan kaum setelah pilihan raya 1969 sehingga menunjukkan terdapat perubahan struktur kuasa politik dibeberapa buah negeri. Kerajaan Perikatan telah mengambil iktibar daripada insiden ini dengan menguatkuasakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama secara berperingkat bermula dengan pelajar tahun 1 di Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris [SRJK(I)] pada 1970.<sup>57</sup>

<sup>55</sup> Lihat Keranda 152, Bahasa Kita: Air Mata dan Maruah Kita, hlm. 40.

<sup>56</sup> Ibid.

<sup>57</sup> Asmah Hj Omar, Language Planning for Unity and Efficiency, hlm. 108

Mengikut K. Ramanathan dalam bukunya yang bertajuk *Politik Dalam Pendidikan Bahasa 1930-1971*,<sup>58</sup> berkenaan dengan dasar penggunaan bahasa di sekolah-sekolah menengah dan rendah yang telah mewujudkan pelbagai kontroversi. Kebanyakan negara selepas merdeka akan menghadapi krisis untuk mengekalkan warisan kebudayaan tempatan. Namun begitu dalam masyarakat pelbagai etnik dan budaya ia dibatasi dengan pelbagai cabaran antara kaum disebabkan setiap kaum ingin mengekalkan nilai bangsa masing-masing seperti bahasa, budaya dan agama. K. Ramanathan juga membincangkan bagaimana situasi politik mempengaruhi dasar-dasar seperti dasar pendidikan dan dasar bahasa di negara ini.

Semenjak tahun 1970 kita mempunyai dua dasar yang memberi tempat yang utama kepada bahasa kebangsaan sebagai alat pembangunan dan kemajuan negara. Dua dasar ini ialah Dasar Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi mengantikan bahasa Inggeris dan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di sekolah kebangsaan dari peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Dua bidang ini boleh kita anggap bidang yang berpengaruh. Dalam bidang pelajaran, bahasa Melayu telah mencapai tahap kemajuan yang tinggi. Dalam tahun 1970 Universiti Kebangsaan Malaysia di tubuhkan sebagai universiti pertama yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utamanya. Hasilnya negara telah melahirkan puluhan ribu pakar dan sarjana dalam pelbagai bidang ilmu seperti perubatan, sains, matematik, kejuruteraan dan pelbagai ilmu dalam bidang ilmu kemanusiaan dan sains sosial, mereka ini terdidik daripada sekolah kebangsaan yang menggunakan bahasa kebangsaan. Kita percaya ini semua adalah hasil daripada perjuangan para pencinta bahasa yang tidak jemu memperjuangkan, memberi kesedaran, membuka mata masyarakat dan pemimpin agar kedudukan bahasa kebangsaan kita berada ditaraf yang tinggi.

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas perjuangan untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal di negara ini ternyata bukan perkara yang mudah, ini kerana kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sering kali dicabar oleh banyak pihak. Walaupun kita tahu tujuan utama sistem pelajaran di negara ini telah menegakkan satu sistem pelajaran nasional yang megutamakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, malahan kedudukan bahasa Melayu juga diakui dalam Malayan Union, Penyata Razak 1956, Perlembagaan 1957, Penyata Rahman Talib 1960, Akta Bahasa 1963, dan Akta Bahasa 1967 namun tetap tidak diakuri oleh banyak pihak. Ketidakakuruan ini bukan sahaja dilakukan oleh organisasi dan pertubuhan politik diluar Perikatan, bahkan MCA sendiri secara jelas mencabar persetujuan tersebut. Keengganan sebahagian kaum bukan Melayu untuk mematuhi persetujuan yang dicapai, semakin jelas apabila mereka menentang perlaksanaan bahasa kebangsaan sebagai medium sistem pendidikan vernakular dan peperiksaan awam. Malahan perjuangan masyarakat Cina untuk menubuhkan Universiti Merdeka yang menggunakan bahasa Cina sebagai medium utama sangat jelas bertentangan dan bercanggah dengan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tunggal negara. Penentangan tersebut telah membangkitkan kemarahan orang Melayu sehingga mewujudkan ketegangan antara kaum pada 1969.

Ternyata perjuangan mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal di Tanah Melayu tidak pernah pudar malah ia telah menyemarakkan lagi perjuangan nasionalisme

<sup>58</sup> K. Ramanathan, *Politik Pendidikan Bahasa 1930-1971*.

orang Melayu. UMNO sebagai badan yang memperjuangkan kedudukan orang Melayu juga turut dikecam kerana banyak kali melanggar persetujuan tentang bahasa. Kecaman terhadap UMNO semakin memuncak menjelang pembentangan Akta Bahasa 1967. Beberapa badan bertindak, jawatankuasa, NGO, parti serta orang perseorangan menentang dan menunjukkan rasa kecera mereka terhadap akta tersebut serta menuduh UMNO sebagai mengkhianati orang Melayu. Walaupun Parti Perikatan memberi jaminan bahawa Akta Bahasa Kebangsaan 1967 tidak melemahkan kedudukan bahasa Melayu, namun itu tidak dapat memuaskan hati orang Melayu dan mereka tetap memprotes akta tersebut melalui demonstrasi, bantahan, memorandum dan kekecewaan orang Melayu ini dilambangkan sebagai ‘Keranda 152’. Sememangnya perjuangan mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan adalah satu proses nasionalisme yang memperjuangkan kemerdekaan di Tanah Melayu yang boleh dilihat dalam pelbagai persepsi.

## **BIBLIOGRAFI** **Dokumen Rasmi**

Penyata Razak

Penyata Rahman Talib

### **Surat Khabar**

*Qalam*, Bil. 48, Julai 1954.

*Warta Malaya*, 23 November 1938.

*Warta Malaya*, 20 Oktober 1955.

*Warta Negara*, 6 Julai 1955.

*Kritik*, 28 November, 1956.

*Malaya Merdeka*.

*Fikiran Rakyat*, 10 Mei 1957

*Berita Harian*, 9 Julai 1959.

*Berita Harian*, 10 Mei 1964.

*Berita Harian*, 24 Mei 1964.

### **Surat Peribadi**

surat dari Syed Nasir Ismail kepada Penguasa/Pengurus, Pemikir, April-Jun 2011.

Tempat-tempat Hiburan, Kementeria Persekutuan Tanah Melayu dan Pertubuhan di Seluruh persekutuan, 1 Januari 1961, Arkib Negara Malaysia.

### **Majalah**

*Dewan Masyarakat*, Jilid IV, Bil. 9, 15 September 1966.

Pemikir, April-Jun 2010.

Pemikir, Jan-Mac 2012.

### **Seminar**

Hassan Ahmad, *Bahasa Melayu Sebagai Alat Pembinaan Jati Diri Negara Bangsa Malaysia*, dalam Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-5, Anjuran Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden, Universiti Putra Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.

Hassan Ahmad, *Pengajian Melayu dan Martabatnya Sebagai Ilmu Tamadun Dunia Melayu*, dalam Seminar Sehari Pusat Pengajian Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu 2002,

Hashim Musa, *Pemerkasaan Bahasa Melayu dalam Pembinaan Sahsiah Dan Jati Diri Negara Bangsa Malaysia*, dalam Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-5, Anjuran Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden, Universiti Putra Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.

Tuan Mohd Yusof Harun (Pnyt.), *Kenangan Kongres Kebudayaan Melayu 1, Melaka*: Panitia Kongres Kebudayaan Melayu, 1957,hlm.3

#### **Buku dan Rencana**

1. Abdul Samad Idris, *25 Tahun Merdeka*, Pustaka Budiman, Kuala Lumpur, 1982.
2. Adnan Hj. Nawang, *Za'ba dan Melayu*, Berita Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1998.
3. Asmah Hj Omar, *Language Planning for Unity and Efficiency*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976.
4. Asraf Abdul wahab, Awang sariyan, Farid Omar dan Firdaus Abdullah, "Penyatuan Bahasa Melayu Senusantara" dalam Abdullah Hassan (penyusun) *Kongres Bahasa dan Persuratan I-IV(1952-2003)*, Kuala Lumpur, Persatuan Penterjemahan Malaysia, 2007.
5. Awang Sariyan, *Bahasa Melayu Tonggak Tamadun*, Pemikir, Januari-Mac 2012.
6. Awang Sariyan, *Keranda 152, Bahasa Kita Air Mata dan Maruah Kita*, Persatuan Linguistik Malaysia, Kuala Lumpur, 2002.
7. Awang Sariyan, *Ceritera Bahasa*, Citra Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1995.
8. Dharmala N.S, *Tradisi Kepimpinan Berjiwa Rakyat; Tun Abdul Razak*, Thinker's Library Sdn. Bhd. 2005,
9. Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1981.
10. Ismail Hussain, *Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Dalam Pembinaan Negara*, dalam Forum Persatuan Linguistik Malaysia, DBP, 1985.
11. K. Ramanathan, *Politik Pendidikan Bahasa 1930-1971*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1985.
12. Kamal Syukri Abdullah Sani, *Bahasa Melayu Apa Sudah Jadi?*, PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 2007.
13. Keranda 152, *Bahasa kita, Air Mata dan Maruah kita*, Persatuan Linguistik Malaysia, 2002.

14. Lee, N. N., Molly (1999), *Private Higher Education in Malaysia: An Overview* dalam Molly Lee, N,N, *Private higter Education in Malaysia* , Monograph Series No: 2/1999 Penang, School of Education Studies, University Science Malaysia.
15. Lembaga Penyelidikan Undang-Undang (Ed), *Akta Pendidikan 1996 (550) & Peraturan-peraturan Terpilih* (Hingga 15 Disember 2003, Petaling Jaya, International Law Book Servis, 2003.
16. Mohd Nor Ahmad, "Chara-chara perlaksanaan bahasa Melayu Menjadi Bahasa Kebangsaan dan rasmi yang tunggal dalam Persekutuan Tanah Melayu mengikut jangka panjang 10 tahun" 1 Ogos 1957, Arkib Negara Malaysia.
17. Ramlah Adam, "Kongres Kebangsaan Melayu: Suatu Penentangan Kepada Kehilangan Kuasa Politik Melayu Dalam Kemerdekaan 1957", dlm Sarjana, Keluaran khas Fakulti Sastera dan Sains Sosial, 1994.
18. Ramlah Adam, *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*, Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur, 2004
19. R. Suntharalingam dan Abdul rahman Haji Ismail, *Nasionalisme Satu Tinjauan Sejarah*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1985.
20. Rencana Pengarang, "Pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Kebangsaan" dalam "Sekitar Persoalan Bahasa Melayu" 1957-1972, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.
21. Rustam A. Sani, *Ke mana Nasionalisme Melayu*, R Publishing Servis, Kuala Lumpur, 2004.
22. Rustam A. Sani, *Politik Dan Polemik Bahasa Melayu*, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. 1993.
23. Sills, david L, (Editor) 1969. *International Encyclopedia of the Sosial Science*. Vol 7. New York: The Macmillan Company & The Free Press. Dalam Teo Kok Seong, Bahasa Melayu Wajib Jadi Teras, dalam Syed Hussain Al Attas "Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kebangsaan" dalam "Sekitar Persoalan Bahasa Melayu 1957-1972, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.
24. Yahaya Ismail, *Kekuasaan dan Ketuanan Melayu*, Kuala Lumpur, Dinamika Kreatif Sdn. Bhd. 1986.

#### **Tesis dan Latihan Ilmiah**

1. Mokhtar Muhammad, *Dasar Tun Abdul Razak, Dato Hussain Onn dan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad Dari 1970-1990:Kesinambungan dan Perubahan*, Tesis Doktor Falsafah (PHD), Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1998.
2. Norhayati binti Mat Saad, *Kedudukan Bahasa Melayu 1950-1988: Dewan Bahasa dan Pustaka, Peranan dan Sumbanganya*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999.